

Panel solar jimatkan bil elektrik pengguna

IPOH: Pemasangan panel solar di kediaman kini semakin menjadi pilihan pengguna terutama mereka yang ingin mengurangkan bil elektrik dan pada masa sama melestarikan alam sekitar. Semestinya kualiti, perkhidmatan serta harga yang ditawarkan menjadi keutamaan pengguna semasa memilih pihak yang benar-benar berupaya memasang perkakasan tersebut.

Syarikat pembekalan tenaga, Gading Kencana Sdn. Bhd. (Gading Kencana) yang sebelum ini memfokus kepada segmen industri kini menawarkan khidmat pemasangan panel solar bagi penggunaan domestik termasuk khidmat senggara.

Pengarah Urusan Gading Kencana, Datuk Muhammad Guntor Mansor Tobeng berkata, Pro-

jek Solar Rakyat dalam Program Pemeteran Tenaga Bersih (Net Energy Metering - NEM) 3.0 menawarkan kuota tenaga solar 500 megawatt (MW) sehingga 2023.

Jelasnya, daripada jumlah itu, sebanyak 100MW adalah untuk pasaran domestik dan NEM 3.0 memberi peluang kepada pengguna memanfaatkan penggunaan sumber tenaga diperbaharui.

"Pemasangan panel solar sesuai kepada pengguna yang membayar bil elektrik mencecah RM1,000 sebulan dan boleh diijamatkan sehingga 60 peratus dengan cara ini.

"Penjimatan sehingga RM571 dinikmati dengan pemasangan solar 10kWp mengikut harga se-masa dan kira-kira RM228 pula

dengan kapasiti solar 4kW," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Gading Kencana merupakan pemilik dua ladang solar iaitu di Melaka termasuk berskala besar di Bidor.

Kos pemasangan panel solar 10kWp adalah RM38,700 manakala solar 4kWp pula RM18,500 dengan kadar penjimatan elektrik yang dinikmati adalah selama 30 tahun.

Jelas Muhammad Guntor, panel solar yang dipasang adalah buatan tempatan yang kualitinya setanding luar negara.

"Ramai yang kurang tahu Malaysia merupakan negara ketiga pengeluar panel solar terbaik dunia selepas Jepun dan China malah turut digunakan pada peringkat global," jelasnya.



MUHAMMAD GUNTOR MANSOR TOBENG menunjukkan panel solar yang terdapat di ladang solar yang dimiliki syarikat Gading Kencana di Bidor baru-baru ini. - UTUSAN/ZAKI SALLEH